

**TITAH**  
**SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN**  
**ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**  
**YANG KE 45 TAHUN**

**BERTEMPAT**  
**DI TAMAN SIR MUDA HAJI OMAR ALI SAIFFUDDIEN**  
**BANDAR SERI BEGAWAN**

**PADA**  
**3 JAMADILAKHIR 1425 BERSAMAAN 31 MEI 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu'Ala Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Dengan hati yang tulus jernih marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala yang telah memelihara Negara kita menjadi sebuah Negara yang aman lagi sejahtera. Keamanan bukanlah barang yang boleh dibeli melainkan semata-mata suatu kurnia besar daripada Allah. Mengapa kita dikurniakan keamanan kerana adanya sifat dalaman yang luhur yang dimiliki oleh bangsa. Sifat dalaman yang beta maksudkan itu ialah keimanan dan ketakwaan apabila tahap kedua-duanya itu tinggi maka mudahlah kita memetik buahnya.

Cuba kita perhatikan berapa banyak negara didunia kecil atau pun besar yang menginginkan keamanan tetapi siapakan yang berjaya mencapai keinginan itu. Ini adalah satu lagi bukti bahawa keamanan itu bukanlah komoditi ataupun sesuatu yang boleh di bina seperti kita membina bangunan. Tetapi ia wujud dan lahir tersendiri dengan izin Allah. Negara apabila Pemerintah dan rakyatnya mentaati Allah, maka Insha Allah akan tegaklah keamanan itu. Jadi dapatlah dirumuskan disini bahawa keamanan dan kestabilan tidak bersumber dari sesiapa melainkan ia adalah terbit dari rahmat Allah semata-mata tanpa rahmat adalah mustahil untuk memperolehi keamanan dan kestabilan.

Jika demikian itu keadaannya maka wajiblah kita istiqamah dalam beragama supaya kita mendapat kasih sayang daripada Allah kerana hanya golongan yang dikasihi oleh Allah sahaja yang akan mendapat pertolongannya. Menyebut tentang pertolongan Allah ini pada hemat beta tidak ada pihak yang lebih memerlukannya melainkan angkatan bersenjata. Kerana itu mereka perlu ingat bahawa pertolongan langit ini bukannya datang bergolek tetapi mesti diusahakan dengan usaha-usaha besar serta juga doa yang berterusan.

Jadi sehubungan ini wajar rasanya jika beta mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kerana langkahnya menubuhkan jabatan agamanya baru-baru ini. Beta yakin dengan penubuhan itu akan menambahkan lagi keupayaan angkatan bersenjata bagi meningkatkan motivasinya serta juga memartabatkan disiplin ketenteraan yang berteraskan iman dan takwa.

Satu lagi tanda peralihan dan permodenan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ialah dengan adanya penubuhan institusi pengajian pertahanan dan strategik, pembentukan akademi tentera dan penganugerahan skim biasiswa bagi penuntut-penuntut cemerlang dalam peperiksaan peringkat O dan A. Langkah ini tidak syak lagi bakal menjana dan melahirkan generasi pemimpin serta warga tentera yang dinamik dimasa depan.

Untuk akhirnya, beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-45 kepada seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang masih berkhidmat dan yang telah bersara, keluarga mereka serta juga mana-mana kakitangan yang turut menyumbang kepada pertahanan Negara selama ini.

Semoga sumbangan suci itu akan membawa kepada kebajikan yang berpanjangan sama ada bagi diri penyumbang mahupun lebih-lebih lagi bagi Negara.

Sekian, Wabilahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tema

*“Berdaya Saing Mempertukuh Pertahanan Negara”*